




PERSATUAN SEJARAH  
MALAYSIA

KDN. 7890

KELUARAN 12 1987  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



KANDISIKAH

PERSEMBAHAYA

1. Sejarah Lawyan ke Kampung Lukut Oleh: Dr. Ngah Cheah Sook Zul Idris	9
2. Kedur Air Oleh: Yaakub Idrus	36
3. Terengganu Parlimbangga Adat Oleh: Yaakub Idrus dan Norzali Ismail	47
4. Perantauan Adat Melayu di Cirebon Oleh: Dr. Zaini bin Salleh (Gaduh)	57
5. Drama Sejarah "Jipu" Tepaknya Putera Limk Karya: Opendam 1. Mohd Yusri b. Mohd Said 2. Bordini b. Bordini 3. Nordin bin	63
6. Adat Berbari ("") Oleh: Enam Abdul Hadi	77
7. Sejarah Elanggang Meningkah Dengan Negeri Sembilan Oleh: Mohd Hiza Tamir	93
8. Data Bandar Tunugol Oleh: Mohd Zahid b. Mohd Adil	100

**SIDANG REDAKSI "WARISAN".  
JURNAL SEJARAH, PERSATUAN  
SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.**



Dari kiri: Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK.  
Encik Hashim bin Jasa, AMN, PJK.  
Puan Hajah Aishah bt. Md. Sharif, PJK.


"Warisan" adalah Jurnal Sejarah tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan. Jurnal ini memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan Sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial dan ekonomi serta politiknya.

Pendapat-pendapat dan saranan yang terkandung di dalam artikel yang dimuatkan di dalam Jurnal ke 12 ini, tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.

"Warisan" mengalu-alukan sumbangan artikel berbentuk sejarah untuk penerbitan seterusnya. Alamatkanlah artikel tuan-tuan dan puan kepada:

Sidang Redaksi,  
Jurnal Warisan,  
Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan,  
d/a Jabatan Pendidikan N.S.,  
70604 Seremban.

(U.P. Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK).



**Y.A.B. DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI  
ABDUL SAMAD D.S.N.S., P.M.C.  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN.**

Telefon: Seremban 722421 & 722311  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,  
70502 SEREMBAN



فجایة من تری بسر  
نگاری سنبیان

## MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

### KATA-KATA ALUAN

Penerbitan Kali Ke 12 Majalah Warisan membuktikan bahawa majalah berunsurkan sejarah ini mendapat sambutan daripada masyarakat terbanyak.

Ia juga membuktikan kemampuan sidang pengarang menerbitkan majalah yang dipenuhi dengan pengetahuan akademik khususnya mengenai sejarah.

Sehubungan dengan itu, suka saya mempelawa lebih ramai ahli penulis tempatan menyokong ke arah penerbitan majalah ini supaya dapat kita paparkan kepada orang ramai perjalanan sejarah negeri kita. Saya yakin masih banyak lagi unsur-unsur sejarah yang belum diketengahkan.

Oleh itu saya percaya mereka yang berpengetahuan tentang latar belakang sejarah satu-satu kawasan atau mukim di negeri ini akan dapat memberikan kerjasama kepada para penulis untuk dibukukan.

Sekian dan di atas kerjasama semua pihak yang menjayakan penerbitan Warisan Ke 12 saya ucapkan berbanyak terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Haji Mohd Isa Bin Dato' Haji Abdul Samad". The signature is fluid and cursive, with a prominent 'I' in the middle.

(DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

# DARI MEJA PENGARANG



Assalamualaikum  
warahmatullahiwabarakatuh

Jurnal Warisan, mutiara kesayangan ahli-ahli sejarah, khasnya ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan terbit lagi menemui tuan-tuan dan puan-puan.

Usaha penerbitannya bukan sahaja membuka era sejarah Negeri Sembilan dalam menyingkap peristiwa-peristiwa yang banyak terpendam bahkan ia juga memberi peluang kepada penulis-penulis yang berminat di bidang sejarah, mengkaji dan menyelidik seterusnya nemaparkan kepada umum karya-karya mereka. Hasil karya mereka nanti bukan sahaja menjadi tatapan, tetapi ianya akan menjadi bahan kajian yang penting untuk generasi di hari muka.


Masyarakat Melayu Negeri Sembilan, adalah masyarakat yang kaya dengan adat dan tradisi yang unik, contohnya seperti ‘Adat Berpuar’ yang ditulis oleh Encik Ismail bin Abdul Hadi, satu-satunya adat yang hampir lenyap ditelan masa. Ada banyak lagi ciri-ciri masyarakat tradisional yang patut diselidiki dan ditulis untuk menjadi warisan budaya negara kita. Penyelidikan melalui lawatan juga harus digalakkan, seperti artikel yang ditulis oleh Encik Yaakub bin Idrus, ianya patut menjadi contoh kepada anak-anak muda kita yang rajin mengembara dan menyelidik. Guru-guru seharusnya melakukan sesuatu yang positif ke arah ini.

Keluaran kali ini juga memuatkan karya hasil dari pertandingan Drama Sejarah antara sekolah-sekolah Menengah di Negeri Sembilan. Penulisan Sejarah berbentuk drama mempunyai dua fungsi iaitu sebagai penghantar fakta sejarah di samping ianya merupakan satu karya seni. Pertandingan ini diadakan utnuk menggalakkan pelajar-pelajar berminat dalam disiplin sejarah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga, saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam ‘Warisan’ keluaran ini, seterusnya ‘WARISAN’ memerlukan sumbangan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan sejarah bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

Wabillahitaufik-walhidayah.



HASHIM BIN JASA AMN, PJK  
Pengarang Kehormat,  
Majalah Warisan Ke 12

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
1987**

Yang Di Pertua	:	Y.A.B. Dato' Haji Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS., PMC. (Menteri Besar, Negeri Sembilan).
Naib Yang Di Pertua	:	Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali, KMN., ASK.
Setiausaha Kehormat	:	Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
Pen. Setiausaha Kehormat	:	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.
Bendahari	:	Encik Tan Ghee Peng, AMN.
Ketua Pengarang	:	Encik Hashim bin Jasa AMN, PJK.
Ahli-ahli Jawatankuasa	:	Tuan Haji Hisham bin Omar, PJK.
	:	Tuan Haji Sulaiman Samad, PJK.
	:	Datuk Mohd. Sharif bin Fakkeh Hasan, PPN., PMC., PKL., PJK.
	:	Encik Zainal Abidin bin Yusuf PPB., PMC.
	:	Tuan Haji Husain bin Salleh.

# DATO' BANDAR TUNGGAL

(Hj. Mohd. Zabidi b. Hj. Mohd. Ariff)

## LATAR BELAKANG PENYANDANG DATO' BANDAR

Mengikut Adat Perpatih perwarisan pesaka Dato' Syah Bandar ini ialah dengan cara Saka, iaitu melalui Perut Ibu. Jadi Dato' Keling (Dato' Bandar pertama) menyandang pesaka ini maka pesaka Dato' Bandar telah jatuh kepada keturunan keempat orang adik beradik perempuannya iaitu; -

- i. Keturunan Nenek Sulung Nerasa.
- ii. Keturunan Nenek Suru Dara.
- iii. Keturunan Nenek Susu Ganda.
- iv. Keturunan Nenek Tunggal.

Gelaran tersebut disandang cara bergilir. Maka pesaka ini telah disandang oleh LUJAR, DANGKAT, KARANG, BANGKIT, NAHAR dan seterusnya MEGAH. Mereka tersebut selain daripada menyandang pesaka, Dato' Bandar, mereka juga menyandang pesaka DATO' MAHARAJA DI RAJA. Semasa MEGAH menyandang pesaka Dato' Bandar, gelaran DATO' MAHARAJA DI RAJA telah dipecahkan dan dianugerah kepada adiknya, SUHUR. Selepas MEGAH meninggal, pesaka ini telah disandang oleh TEDUH dan seterusnya LEBAI,<sup>(1)</sup> Kedudukan mereka ini tidaklah

---

1. Lihat Carta - Terombo Sungai Ujung Lampiran A

menunjukkan peristiwa yang penting, tetapi apabila DATO' BANDAR TUNGGAL menyandang pesaka ini beberapa peristiwa penting telah berlaku. Kedudukannya sebagai pembesar Sungai Ujung amat berpengaruh sekali sehingga melenyapkan kedudukan Dato' Klana.

#### PENGENALAN:

Nama DATO' BANDAR TUNGGAL sebenarnya ialah ABDULLAH B. MAHMUD, dan merupakan Dato' Bandar yang ke 10, selepas Dato' Bandar LEBAI. Beliau menyandang pesaka ini selama 25 tahun, iaitu dari tahun 1849 hingga 1874, iaitu apabila Inggeris campur tangan di Luak Sungai Ujung.

#### PERTENTANGAN DENGAN PEMBESAR - (YANG MEMBAWA KEJATUHANNYA:)

PANGLIMA BESAR AHMAD B. ALI adalah orang kuat DATO' BANDAR TUNGGAL dan Lembaga Warith Di Air. Permusuhan atau pertentangan ini wujud apabila berlakunya pembunuhan secara kejam ke atas anak buahnya, bernama SUDIN. Mayat SUDIN ini telah didapati terapung-apung di sungai dan Warith-Warith tidak dapat mengenalinya, tetapi PANGLIMA BESAR AHMAD dapat mengenali mayat itu, kerana mengecam cincin dan bengkung yang dipakainya. Selain daripada itu PANGLIMA AHMAD mengenali rambut SUDIN itu sendiri. Apabila diselidiki pembunuhnya, maka didapati pembunuhnya adalah ORANG BALAI DATO' BANDAR TUNGGAL sendiri. PANGLIMA AHMAD berkehendakkan Dato' Bandar menjatuhkan hukuman atas pembunuhan itu tetapi, Dato' Bandar enggan berbuat demikian kerana ini melibatkan

orangnya. Sikap DATO' BANDAR TUNGGAL ini telah membawakan perhubungan kedua pembesar ini menjadi muram dan seterusnya bermusuhan. Peluang keemasan inilah telah diambil oleh DATO' KLANA SYED ABDUL RAHMAN, lalu mengadakan permuafakatan. Dalam permuafakatan itu Dato' Klana berjanji akan melantik PANGLIMA BESAR AHMAD B. ALI menjadi Dato' Bandar. Sudah tentu peluang keemasan ini diambil oleh PANGLIMA BESAR AHMAD, bak kata perbilangan Melayu; -

'Kecil tapak tangan nyiru ditadahkan'

Permuafakatan ini telah berjaya menghasilkan satu perjanjian iaitu pada 10 hb. Nov. 1874. Antara kandungannya ialah; -

Tarikh 1291 Sunnah kpd. lima hari raya bulan Shawal bahawa dewasa ini pada menyatakan maka adalah beta Tengku Klana Putera Syed Abd. Rahman menghukumkan kebulatan sekelian warith antara dua pihak Di Darat serta Di Air. Dato' Raja serta Dato' Mendika dan Dato' Paduka serta dengan Raja Hussein dan menteri serta Imam Perang Hj. Abu Bakar telah muafakatlah, mereka yang tersebut itu menghukumkan ikrar serta tanda tangan hadap berhadapan beta daripada beta pun menerangkan cap keterangan beta kepada Panglima Besar Ahmad b. Mohamad Ali Shah Bandar memerintahkan pesaka aturan tua-tua ....<sup>(2)</sup>

Perjanjian ini dilakukan secara sulit dan tidak diketahui oleh Dato' Bandar Tunggal. Perjanjian ini dibuat kerana DATO' BANDAR TUNGGAL enggan menandatangani perjanjian pada 21 hb. April 1874, membenarkan Inggeris bertapak di Sungai Ujung.

Ini adalah merupakan pengkhianatan dilakukan oleh pembesar-pembesar Sungai Ujung terhadap negara mereka sendiri, demi

---

2. Perjanjian di antara Dato' Klana Syed Abdul Rahman dengan Panglima Besar Ahmad b. Ali  
- Lihat Lampiran B.

membolehkan Inggeris bertapak di Sungai Ujung dan seterusnya untuk memeras ekonomi dan politik di Luak ini.

Oleh kerana Dato' Klana Syed Abd. Rahman dilindungi Inggeris, beliau berani bertindak sesuka hatinya terhadap DATO' BANDAR TUNGGAL. Beliau telah mengarahkan Dato' Bandar Tunggal supaya menyerahkan RAJA MAHMUD<sup>(3)</sup> kepada Inggeris, tetapi arahan itu tidak dipedulikan oleh Dato' Bandar, kerana kehadiran Raja Mahmudlah yang menyebabkan kedudukannya ditakuti oleh Dato' Klana Syed Abd. Rahman.

Akibat daripada permuafakatan sulit di antara Panglima Besarnya dengan Dato' Klana Syed Abd. Rahman, Dato' Bandar Tunggal tidak dapat menahan kemarahannya lalu menyediakan angkatannya untuk menyerang Dato' Klana dan menghalangnya menaikkan bendera 'Union Jack' di hadapan rumahnya. Mengikut perjanjian yang ditandatangani pada 21 hb. April 1874, pihak Inggeris akan memberi bantuan kepada Dato' Klana jika diserang. Memandangkan kekuatan Inggeris yang begitu hebat itu maka Dato' Bandar bersama Raja Mahmud menentang Dato' Klana dan kuncukuncunya bermati-matian. Walaupun alat perang yang digunakan oleh pengikut-pengikut Dato' Bandar tidak sehebat jika dibandingkan dengan Inggeris tetapi serangannya merupakan tumparan hebat pada Inggeris. Akhir sekali Dato' Bandar serta pengikutnya terpaksa mengundurkan diri. Beliau telah dibuang negeri ke Singapura sebagai orang buangan pada tahun 1874. Di sanalah beliau menghabiskan sisa hidupnya. Pihak Inggeris tidak membenarkan beliau mencampuri hal ehwal Luaknya sendiri.

---

3. Raja Mahmud b. Sultan Muhamad sepatutnya dipilih menjadi Sultan Selangor selepas kemangkatan ayahandanya. Pada waktu itu beliau masih budak-budak lagi. Di atas pengaruh Raja Jumaat (dengki), maka Raja Abd. Samad telah dipilih menjadi Sultan.-dpd. Buku 'Western Malay States' oleh Khoo Kay Kim, hal. 141.

Kekalahan yang dialami oleh Dato' Bandar Tunggal adalah disebabkan wujudnya musuh dalam selimut di kalangan pembesar balai Dato' Bandar itu sendiri, iaitu Panglima Besar Ahmad. Hasil perjanjian yang ditandatangi pada 10 hb. Nov. 1874 di antara Dato' Klana dan Panglima Besar, dan disaksikan oleh Inggeris itu sendiri, memberikan kita satu kesimpulan bahawa Inggeris dengan sedaya upaya menjalankan jarumnya dengan apa cara pun asalkan tujuan mendapatkan hasil bahan mentah khususnya bijih timah dapat dibekalkan ke negaranya sendiri. Pada masa itu di barat telah berlaku 'Revolusi Perusahaan' yang memerlukan bahan-bahan mentah. Kalau gagal maka terjejaslah ekonomi negara-negara barat. Tujuan Inggeris ini tidak akan tercapai selagi sekatan-sekatan yang dilakukan oleh pembesar-pembesar Sungai Ujung khususnya tidak dapat diatasi. Untuk mengatasi sekatan dan halangan ini pihak Inggeris terpaksa campurtangan... iaitu mengubah dasar tidak campurtangan kepada Dasar Campurtangan.

Perjanjian British dengan Dato' Muda Linggi tidak akan mencukupi untuk mengamankan Luak ini. Ini adalah kerana Dato' Bandar Tunggal adalah merupakan pembesar yang sangat berpengaruh di Luak ini, seperti mana diakui oleh Parkinson:-

'The Dato' Bandar (Tunggal) a man of great wealth and considerable influence'. ....<sup>(4)</sup>

Sokongan dan bantuan daripada Dato' Bandar amatlah perlu untuk mengamankan Luak ini tetapi Dato' Bandar enggan bekerjasama malahan benci terhadap tindak tanduk Inggeris. Jadi untuk mengelakkan perkara ini Dato' Klana bersama Inggeris melantik Panglima Besar Ahmad b. Ali

---

4. Parkinson, C. N., "British Intervention In Malaya", 1867 - 1877, Singapore, Universiti of Malaya Press, hal 105.

menjadi Dato' Bandar yang baru. Dengan berbuat demikian maka pengaruh Dato' Bandar Tunggal akan berkurangan, dan Inggeris akan dapat berkuasa sepenuhnya di Luak Sungai Ujung.

Sekiranya Dato' Bandar Tunggal menyebelahi Inggeris maka satu jajahan baru akan dimasukkan ke dalam Peta Negeri Sembilan. Dengan lain perkataan peta Negeri Sembilan lebih besar daripada peta Negeri Sembilan sekarang, seperti dinyatakan oleh Gullick; -

'If Dato' Bandar tunggal had allied with the British instead of fighting them another state might have been added to modern Negeri Sembilan in 1875'<sup>(5)</sup>

Perusuhan yang ditunjukkan oleh Dato' Bandar Tunggal terhadap Inggeris memang patut dipandang tinggi. Bolehlah disifatkan beliau sebagai Pahlawan Kebangsaan dan sudah sepatutnya nama beliau diletakkan setanding dengan Pahlawan Mat Kilau, Dato' Bahaman dan lain-lain lagi pahlawan yang mana dianggap sebagai 'Penderhaka dan Pemberontak' oleh Inggeris. Disebabkan campurtangan Inggerislah menyebabkan keadaan politik dan ekonomi dikongkong dan diperas dengan hebatnya sehinggalah kita berjaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pihak Inggeris telah menganggap pahlawan-pahlawan sebagai; -

'Penderhaka dan perosak keamanan T. Melayu'<sup>(6)</sup>

---

5. Gullick, JM. 'Sungai Ujung', Journal Malayan Branch Vol; 22, Pt; (xerok copy), Perpustakaan Universiti Malaya, hal 35.

6. Journal of History Teachers of Malaya, Volume 2, April 1867, oleh Khoo Kay Kim.

## KEDUDUKAN POLITIK DAN EKONOMI DATO' BANDAR TUNGGAL:

Beliau mempunyai kedudukan yang tinggi dan berpengaruh di Luak Sungai Ujung. Ia memiliki lebih daripada dua puluh buah lombong bijih timah, sebaliknya cuma tiga atau empat buah dimiliki oleh Dato' Klan Syed Abd. Rahman. Di sepanjang jalan air (sungai) adalah di bawah pengaruhnya. Pengikut-pengikutnya di merata-rata tempat, sama ada di Jelebu, Mantin, Semenyih, Sepang, Rasah, Ampangan dan lain-lain daerah di mana terdapatnya jalan air. Pada waktu itu jalan air (sungai) adalah merupakan sistem perhubungan yang terpenting sekali. Pengaruhnya ini telah melenyapkan kedudukan Dato' Klan Syed Abd. Rahman sendiri. Kenyataan ini telah diakui oleh Khoo Kay Kim, di antaranya ialah;

'He Dato' Bandar (Tunggal) was considered able and was certainly very wealthy. While he had money invested in about twenty mines. The Klanas interest were confined to only three or four mines as a result of his wealth he became highly influential and posed a threat to the authority of the Dato' Klanas'.<sup>(7)</sup>

Dato' Bandar Tunggal dapat mengawal keamanan di Luak Sungai Ujung. Akibat daripada pengaruhnya dengan pelombong-pelombong Cina di Sungai Ujung maka pengeluaran bijih timah dapat diekspot ke Melaka dengan licinnya tanpa gangguan atau sekatan daripada pembesar-pembesar yang lain. Ini diakui oleh saudagar-saudagar itu sendiri dalam surat petisyennya terhadap pemerintah Inggeris di Negeri-Negeri Selat. Ini menunjukkan bahawa Dato' Bandar berkuasa penuh di sepanjang perjalanan melalui air. Pengikut-pengikutnya ramai dan sentiasa mengawal keselamatan perjalanan. Pembesar-pembesar lain tidak berani menganggunya, apatah lagi sokongan kuat daripada Raja Mahmud.

---

7. Khoo Kay Kim, The Western Malay States, 1850-1873, The Effects of Commercial Development on Malay Politics, Kuala Lumpur, Singapore, Oxford University Press, London, hal. 101

Kegemilangan Dato' Bandar Ttunggal di Luak Sungai Ujung telah dilenyapkan oleh Inggeris yang telah mengubahkan dasarnya dari Dasar tidak campurtangan kepada dasar campurtangan terhadap negeri-negeri Melayu, khususnya Luak Sungai Ujung. Mereka telah mempergunakan Dato' Klana Syed Abd. Rahman untuk memperluaskan pengaruh. Dengan berbuat demikian mereka akan dapat memboloti segala hasil mahsyul Luak ini. Barang siapa cuba menghalang kegiatan mereka, akan mengalami keruntuhan. Begitu juga nasib yang menimpa Dato' Bandar Tunggal. Beliau telah dikalahkan oleh tentera Inggeris dan terpaksa menyerah diri. Pada 16 hb. Disember 1874, beliau terpaksa menandatangani surat perjanjian akibat kekalahannya itu. Antara lain kandungannya ialah; -

'I, Kulup Tunggal, the Dato' Bandar of Sungai Ujung do hereby acknowledge to have transgressed in the affairs of Sungai Ujung of making war against the Dato' Klana .... Now I submit myself and all my affairs into the hands of His excellency the Governer'.<sup>(8)</sup>

Akibat campurtangan ini seorang Residen Inggeris ditempatkan di Luak ini, beliau bukan bertugas sebagai penasihat, tetapi telah bertukar menjadi pemerintah dan segala arahannya kecuali Agama Islam dan Istiadat Melayu. Orang-orang Melayu terpaksa mematuhi segala arahan tersebut. Dengan campurtangan ini maka tamatlah kegemilangan pemerintahan orang-orang Melayu di Negeri mereka SENDIRI.

Oleh:

HJ. MD. ZABIDI B. HJ. MD. ARIFF  
PENOLONG KANAN  
SEKOLAH MENENGAH SERI SENDAYAN,  
SEREMBAN.

28/10/87.

---


8. Perjanjian yang terpaksa ditandatangani oleh Dato' Bandar Tunggal selepas kekalahannya. Beliau terpaksa dibuang negeri ke Singapura. Di sanalah beliau menghabiskan sisa hidupnya.

**Bibliografi:**

1. Gullick J. M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur 1972.
2. Gullick, J.M., Sungai Ujung Journal Malayan Branch Vol; 22, Pt. 2 (Xerox copy), Perpustakaan University Malaya.
3. Parkinson, C.N., British Intervention In Malaya, 1867 - 1877, Singapore, University of Malaya Press.
4. Straits Settlement Records, F 7, Dato' Klana To Colonial Secretary 28 th. August, 1874.
5. Khoo Kay Kim, The Western Malay States, 1850 - 1873, The effects of Commercial Development on Malay Politics, Kuala Lumpur, Singapore, Oxford University Press, London, New York 1972.
6. Terombo Sungai Ujung.
7. Perjanjian-perjanjian penting.

LAMPIRAN: A:

SULTAN JOHOR PUTERI MAYANG SELINDA  
PUTERI SERI DI AIR



1. DATO' KELING LAGI SERI MAHARAJA DIRAJA LAGI BANDAR  
 2. LUNJAR  
 3. SANGKUT  
 4. KARANG  
 5. PANGKU  
 6. NAHAR  
 7. MEGAH - TINGGAL BANDAR  
 8. DATO' BANDAR TEDOH  
 9. DATO' BANDAR LEBAI  
 10. DATO' BANDAR TUNGGAL  
 11. DATO' BANDAR AHMAD  
 12. DATO' BANDAR ABD. RAHMAN  
 13. DATO' BANDAR KADIR  
 14. DATO' BANDAR ABU BAKAR  
 A) SUHUR ADIK KPD. DATO' BANDAR MEGAH DI PANGKATKAN SERI  
 MAHARAJA DIRAJA SAHAJA
- DATO' DANAU RAYA  
 PENGHULU KADIM  
 PENGHULU PANDAK  
 PENGHULU CANTIK  
 1. D.K. PUTERA BADOR  
 2. (PERUT ULU)  
 3. D.K. LEHA  
 4. D.K. BAHII  
 5. D.K. KAWAL  
 6. D.K. SENDING  
 7. D.K. ABD. RAMAN  
 8. D.K. LELA SETIA  
 YUSUF (DIPECAT)  
 9. D.K. MAAMOR B. KASIM  
 10. D.K. MD. KASIM B.  
 DATO' NIKA HJ.  
 MD. RASHID.

- a. STEM  
 b. CIK ARA (PEREMPUAN)  
 c. GUDAM  
 d. SUNUM (DIPECAT)  
 e. SAID  
 f. HJ. AHMAD  
 g. MAT SAH  
 h. ABDULLAH B. AHMAD B. DATO' KELANA KAWAL

DIPETIK DARIPADA TEROMBA UNDANG SUNGAI UJUNG.

# سلطان جوهر قطري مایع سلیندا قطري سري داير

فرا جوهر قهلاوان	منديك اخر الزمان	بندهارا سكوداي	داتوه انکو کلخ
ليلافركاس	جلبو	باتن سريبو جاي	
استريسيتي اوان			
توه سري مني	توه سمرگ (فرمowan)	داتوه موسخ	محمد نوميو
سوامين	استرين	استرين	; داتوه كلمبو
فردانا دانبع	رمبونجنتن انو	توه جر و مبو بنتي	; داتوه جيت
اورغ تراجي تياد برانق	لي ماما اورغ فاسير	باتن بو غنكو انو	استرين
هها انت اشكه قطري	اجبه	باتن راج	توه چرمبو بنتي
فعكة انداليكا متدالكا	اجبه	باتن راج	باتن بو غنكو
			أتو باتن راج

توه درا مفکردو **فخليها سلة = توه دارا موديق**

دارا موديق	توه دارا	توه دارا	توه
سولوغ نراس	سولوغ نراس	دارا	دارا
(فرمowan)	(فرمowan)	دراغ	دراغ

1. داتوه کلخ لانكي سري مهراج دراج  
لانكي بندر.
2. لوچر
3. سعکوت
4. کارغ
5. فعکي
6. نهر
7. مکه - تیغکل بندر
8. داتوه بندر تدوه
9. داتوه بندر لبي
10. داتوه بندر تو غکل
11. داتوه بندر احمد
12. داتوه بندر عبدالرحمن
13. داتوه بندر قادر
14. داتوه بندر ابوبکر  
سهر اديق کفدا توه بندر مکه
- a. دفعکنکن سري مهراج دراج سهاج.

- b. ستم
- c. چيء ارا (فرمowan)
- d. کودم
- e. سونوم (دفعجه)
- f. سيد
- g. حاج احمد
- h. مه سان
- i. عبدالله بن احمد بن داتوه کلآن کاواں

1. داتوه دانا راي
2. قنهولو کاديم
3. قنهولو قندق
4. قنهولو چنتيق
5. داتوه قترا بادرور
6. (قروة اولو)
7. داتوه ليها
8. داتوه هېي
9. داتوه کاول
10. داتوه سندیغ
11. داتوه عبدالرحمن
12. داتوه ليلاستا يوسف (دفعجه)
13. داتوه معمور بن قاسم
14. داتوه محمد قاسم بن
15. داتوه نيك حاج محمد راشيد

## تراسول بيلاغن كات ۲ عادة معهنتر (معهولور چنجين).

(i)

اول بر هرمولان اخه بر کسوداهن، هوجن بر قوهن کات بر احسل. ادقون اصول اصل: اصل حاکف دا اسا، اصل مقاجي فد اليف.

تتكلل الون بر الون، عالم بلوم بر ارج. لواق بلوم بر غنهولو: عادة بلوم بر تشو، بيلع بلوم بر انور - مك دتيغوه فولي بر فغكه نايک مندا فكتن رواس دغون يوكون؛ مك دتيغوه قول مانسي بر فغكه تورن معنو کاکن عادة دغون فسكان - مك دتيغوه تفته لام سارغ لام؛ مك مقاداکن افق تيک اورغ - مك دتيغوه يعنوا، بر کلر داتوه تمعکوع، ديه دهولو بوکيه فوتس. جرم يع تيگكي، تفته فاسير تيمون مينبون، تفته اير سکتع سلو بوق. تفته اوشكما معمقني تاغن. تفته سيامع معمقني کاكى - اعین تا بر تيوف رتيع تا فانه، اعکم تا تريغ: دستيو بر هيمون سوكو يع دوا بلس - مك دتيغوه يع کحيل بر کلر داتوه فاتيه؛ ديه دهيلير هوجع تشجوع فيبع سيانع - ميدان يع بآيك، تفته کلعيج معاوه، تفته جينا تيمع منبع، تفته فراهو هيلير موديق. تفته کاله سلغ بر سلي. تفته داکع کلوار ماسوق، تفته فائى سيليه ميليه - دستيو تفته فرهيمون سوكو يع دوا بلس. مك دتيغوه يع تمه. بر کلر سريراج. ليلا مهراب. تالي بر هيمون کثوسة جالا: متيغوه کمفوغ يغبر سودره، ساوه يع بر لوفق، فوحوه ببور يع مليوق، فيبع يغبر جيجير، فارييه يع مليتع، تفته باهو سیغکوع میغکوع، تفته لعن سلع بر سلي - دستيو فرهيمون سوكو يع دوا بلس.

سليلية فولو فرج، سليمع تانهلايو: بر ارج کسياق، بر بندهارا کتفهع، بر سلطان کجوهر. تورن دري فاکر رو بويغ، نايک ککونغ ربمو - مغيردر کهولو. دتيغوه بوکيه يع تيگكي. کاوrig يغ دالم؛ مغيردر کداره، دتيغوه کاپور يع بسر مرني يع بر سعکنه داهن؛ مغيردر کباروه، دتيغوه لفن يع ليبر، ساوه يغ بر لتفق؛ مغيردر کهيلير دتيغوه اير يع ملورهه کلامه يع ليبر - "کلامه متوجو الور، کداره متوجو بتز"؛ کلامه فولو ۲ن کداره بوسوة ۲ن. اير ستيق سام دلاء وتكن، تانه سکفل سام دکونغکن.

مك دتيغوه دهولو يع ليبر، دهيلير يع سميبلن - عادش داير، موافقتن اسا، فسكان بوله - تلور سبواه سام دتائع، فساك سبواه سام دجننجوغ. دالم سميبلن، توان تيک دناکن ساتو، مك دتيغوه بر سوكو، بر بواقق، بر امقوق، بر هرمت ماسيع ۲. مك دتيغوه دكة رومه دكة کمفوغ، سیعف بر سيسير، هلامن سبواه سفرمایبن. فريکي سبواه سفرمدين. جين سبواه سفعولا لفن. مك دتيغوه لافع حکوم. لافع عادة، حکوم تا معقبة، عادة تا مليتع - هاروس جوگ فولق سمندا ميندا. افاله عادة سمندا ميندا؟ ريسق دانديکن، کيله دباعکن - لا لو دبواه کات موافقة، کات تيدق دسوداهي، کات اي تدا رو فائي - لا لو مغيليق چنجين سپتنو، چنجين سپتنو جنجين بر تان، اسا سکات کات دباليخکن، تا اسا سکات بنداد باليخکن، با اغکوهه دتيغوه اسا سکات، تيميل باليك، لا لو دبواه جنجي عادة. افاله جنجي عادة؟ چفة جنجي تيک هاري، ليواه جنجي توجه هاري، لا وون جنجي دوا کالي توجه هاري ..... بوله دفجه ۲ن مغيکوه کهندق) .

تورن استان منجنجوغ تيته، تورن تلائق مهباوا سمهه؛ تورن بالي منجنجوغ سيدا.  
 لتنق نع برتوکول، امس نع برتأهيل، جغل نع برایلنق.  
 مك منجنجوغ کات لمياڭ، گاميه يغ برکچافي، کيله يغ بر بايغ،  
 عادة يغ دايسي، منجنجوغ کات تفهه سمندا.  
 باڭلە ساني اين: كچيل تا برنام، كىدغ تا برڭلە -  
 منجنجوغ کات تفهه سمندا، مپوره ايسي عادة انت بواه ..... سعوا.

لتق ماري تغه فادغ.	*	شىك ئاكو ئىنىك كداڭىش
باق اورغ سموا مندغ.	*	ئەتكۇ جوا سايى برجاڭىش
جاھيه ماري سلغ سلى.	*	كائين سخالە كائين دېلى
قولشكۇن قوللاھ تىدا كامى	*	جىك عادة سودھلە دايسي

#### LAMPIRAN: B:

#### PERJANJIAN DI ANTARA DATO' KELANA PUTERA SYED ABDUL RAHMAN DENGAN DATO' SHAH BANDAR HAJI AHMAD.

#### NEGERI SEMENANJUNG TANAH WARITH PERINTAH DATO' KELANA PUTERA SERTA DATO' SHAH BANDAR

COP MOHAR DATO' BANDAR

COP MOHAR DATO' KELANA PUTERA

.....  
 Tarikh 1291 Sunnah kepada lima hari raya Bulan Syawal .....  
 bahawa dewasa ini pada menyatakan maka adalah beta Tengku Kelana Putera Syed Abdul Rahman menghukumkan kebulatan sekelian warith-warith antara dua pihak Di Darat serta Di Air ..... Dato' Raja serta

Dato' Mendika dan Dato' Paduka serta dengan Raja Hussein dan menteri serta Imam Perang Haji Abu Bakar telah muafakatlah mereka yang tersebut itu menghukumkan Ikrar serta tanda tangan hadap berhadapan beta daripada beta pun menerangkan Cap keterangan beta kepada Panglima Besar Ahmad bin Haji Mohamad Ali jadi Shah Bandar memerintahkan Pesaka aturan tua-tua dahulu-dahulu yang tidak boleh menukar atau mengubah sekali-kali.

Shahdan lagi Ikrar Perjanjian beta kepada To' Shah Bandar apakala ada hal ehwal atau apa-apa perbuatan beta melainkan hendaklah beta muafakat bersama-sama dengan Dato' Shah Bandar ..... dan yang Dato' Shah Bandar pun apa perbuatannya melainkan hendaklah muafakat dengan beta bahawalah jadi ..... peraturan tua-tua yang demikian itulah Kelana dengan Bandar daripada memerintah negeri.

Sahlah dengan nyatanya perbuatan yang tua-tua demikian itu maka membubuhlah warith-warith Dato'-Dato' yang punya nama-nama di bawah Syarat ini .....

Tanda tangan keterangan Dato' Raja .....

Tanda tangan keterangan Dato' Mendika .....

Tanda tangan keterangan Dato' Paduka .....

Tanda tangan keterangan Raja Hussein .....

Tanda tangan Menteri keterangan .....

Tanda tangan Imam Perang Haji Abu Bakar.....

Tanda tangan Dato' Juan .....

Tanda tangan Raja Sulung .....

Tanda tangan Dato' Lela .....

Tanda tangan To' Aki .....

Tanda tangan To' Raja Muda Muhamad .....

Tanda tangan To' Majinda .....

Tanda tangan Penghulu Dagang Paroi .....

Tarikh 10. 11. 1874.

Tanda tangan;

Perkering.

فَرِيقَةٌ دَائِنٌ كَلَّا نَقْرَسَهُمْ أَدْقَنْ لَيْلَانِدَ اَسْ

كَلَّا نَقْرَسَهُمْ كَهْدَالِمَا حَادِي بِبِلْهَادِي اَلْ  
لَّهِ اَوْلَى كَلَّا نَقْرَسَهُمْ كَهْدَالِمَا بِيْتَ اَلْكَوْ كَلَّا نَفْرَسَهُمْ اَجْهَرِيْ  
كَلَّا نَوْسَهُمْ بِاَسْتَرَادِيْهِ فَهَقَرَدَيْهِ دَارِيْهِ اَنْ كَسْرَادِيْهِ  
دَاقِرِيْهِ سَقْرَادِيْهِ مَنْكَادِيْهِ دَاقِرِيْهِ قَدِيْهِ كَادِيْهِ دَاقِرِيْهِ حَسِيْهِ بَنِيْهِ  
أَيْمَانِيْهِ اَبُونِيْهِ بَلْعَافَتِيْهِ هَسِيْكَيْهِ بَشِيْهِ مَسْكَوَسِيْهِ كَلْبِيْهِ  
خَدِيبِيْهِ بَرْعَدِيْهِ بَيْسَارِيْهِ دَيْلَاتِيْهِ فَوْنِيْهِ مَنْلَاعِيْهِ كَبِيرِيْهِ كَشِيشِيْهِ  
بَرْيَقِيْهِ عَالِيِّهِ شَاهِيْهِ شَاهِيْهِ شَاهِيْهِ شَاهِيْهِ شَاهِيْهِ كَفِيْهِ كَفِيْهِ كَفِيْهِ كَفِيْهِ كَفِيْهِ  
مَفْعُوهِيْهِ

هَلَّا دَانِ الْكَرْأَوَالِفِ حَبِيْبِيْهِ بِيْتَ اَكْنِيْهِ شَهِيدِيْهِ اَفْكَدِيْهِ اَلْهِ  
تَرِيْهِ اَلْوَزِ بَشَامِيْهِ بَكِنِيْهِ هَنِيْهِ بَشَامِيْهِ بَكِنِيْهِ هَنِيْهِ دَلْيَنِيْهِ اَلْهَدِيْهِ  
لَهَنِيْهِ بَرْقِيْهِ شَهِيدِيْهِ فَوْنِيْهِ بَرْقِيْهِ مَلِيلِيْهِ كَهْنِيْهِ هَنِيْهِ لَهَنِيْهِ دَغِيْهِ بَيْسَارِ  
وَلَهَنِيْهِ دَقِلِيْهِ مَلَكِيْهِ اَيْلِيْهِ كَلَّا نَفِدِيْهِ بَدَارِيْهِ مَزَادِيْهِ بَكِنِيْهِ

حَسِيْلِيْهِ دَطِرِيْهِ سَلِيْهِ فَرِيزِيْهِ مَنْبِيْهِ دَمِيْهِ وَمَكِيْهِ اَمِيْهِ مَعْبُورِيْهِ لَهَرِيْهِ سَيْسِيِّهِ

دَبِرِيْهِ طَرِيْهِ اَسْطَرِيْهِ كَابِدِيْهِ كَلِيْهِ بَلْيَرِيْهِ كَلِيْهِ بَلْيَرِيْهِ

كَهْدَالِمَا كَهْدَالِمَا اَلْهَدِيْهِ دَلْيَنِيْهِ دَلْيَنِيْهِ لَهَرِيْهِ

بَلْيَنِيْهِ كَهْدَالِمَا دَلْيَنِيْهِ شَيْسَكَابِيْهِ سَهِيْهِ

بَلْيَنِيْهِ كَهْدَالِمَا دَلْيَنِيْهِ كَهْدَالِمَا دَلْيَنِيْهِ

PERJANJIAN SUNGAI UJUNG

SUNGAI UJUNG, 1874,

21hb. April, 1874.

Sa-nya oleh kerana di dalam Luak Sungai Ujung kerapkali berlaku perbalahan dan oleh kerana ramai orang-orang jahat yang tidak berhak telah membuat kubu di tebing-tebing Sungai Linggi dan dengan menggunakan senjata-senjata telah menyekat orang-orang berniaga membawa dagang-dagangan mereka mudik dan menghilir sungai yang tersebut, dan oleh kerana Kerajaan British sanggup, atas kemahuan Undang Luak Sungai Ujung dan bagi perlindungan hak-hak rakyat jelata, bagi kemajuan perniagaan dan bagi kemakmuran Luak yang tersebut dan memperluas kesanggupannya kepada Kerajaan Luak yang tersebut. Dan sa-nya Undang Luak Sungai Ujung telah bersungguh-sungguh mencuba membersihkan sungai itu daripada orang-orang jahat dengan perbuatannya yang tidak halal itu dan bagi maksud ini ia telah memesan bekalan senjata-senjata api, ubat-ubat bedil yang ada tersimpan sulit di Singapura. Dan sa-nya atas adanya disampaikan kepada Tuan Yang Terutama Gabenor Singapura atas hasrat Undang Luak yang tersebut untuk mencuba lagi membersihkan sungai yang tersebut perniagaan di negeri itu pulih semula dan bertambah-tambah lagi dan bagi maksud ini ia telah meminta supaya bekalan-bekalan senjata api dan ubat-ubat bedil diberikan kepadanya dan dibawakan ke Luak Sungai Ujung, dan tuan Gabenor sungguh pun suka hendak memberi bantuan

kepadanya bagi maksud membersihkan Sungai Linggi daripada bencana-bencana yang tersebut akan tetapi adalah memikirkan sebelum permintaan Undang Luak bagi senjata-senjata api dan ubat bedil dan segala perlindungan Kerajaan British ditunaikan maka hendaklah ada sepenuh-penuh pengakuan bahawa senjata-senjata api dan ubat-ubat bedil itu tidak sekali-sekali digunakan bagi maksud-maksud yang merbahaya kepada keamanan Luak yang tersebut dan merosakkan ahli-ahli perniagaan dan orang-orang lain yang berulang alik ke Luak itu dan Kerajaan Luak itu hendaklah dijalankan oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawaiannya dengan berdasarkan keadilan dan keinsafan, dan nyawa dan harta benda ahli-ahli perniagaan dan orang-orang lain hendaklah diperlindungi dengan sempurnanya oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawaiannya. Dan sa-nya Luak yang tersebut dan pegawai-pegawaiannya bersetuju membuat satu pengakuan berkenaan dengan hal ini.

Maka sekarang di hadapan saksi adalah kami yang mempunyai nama dan cap mohor yang termetri di bawah ini memberi pengakuan bertanggungjawab dan terikat kepada Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Victoria, United Kingdom of Great Britain and Ireland, Raja sebanyak \$50,000/-, yang akan dibayar kepada Seri Paduka Baginda, dan gantinya di atas Takhta Kerajaan dan untuk menentukan yang bayaran ini tidak akan mungkir maka terikatlah kami kepada perjanjian ini dan juga tiap-tiap seorang daripada kami dan pemegang-pemegang kuasa kami dan siapa-siapa juga daripadanya. Dan dengan tertakluk selagi syarat-syarat perjanjian ini dipatuhi oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawaiannya maka kesanggupan dan perlindungan Kerajaan British akan dihulurkan kepadanya untuk mempertahankan kebebasan, keamanan dan kemajuan bagi Luak Sungai Ujung.

Syarat pengakuan yang tersebut di atas ialah jika sekiranya orang-orang yang memberi pengakuan yang tersebut dan tiap-tiap seorang daripadanya dan tiap-tiap gantinya hendaklah dalam semua perkara menjalankan dengan betul dan baik Kerajaan Luak Sungai Ujung sepanjang mana yang mereka berkuasa dengan berdasarkan keadilan dan sama rata, dan akan memperlindungi daripada segala perbuatan yang tidak adil dan zalim semua orang-orang yang berulang-alik ke Luak itu menggunakan Sungai Linggi dan melihat Sungai Linggi itu terbuka kepada perjalanan dan perdagangan yang halal dan akan mencegah orang-orang yang menceroboh atau mengganggu orang-orang yang hilir mudik sungai itu, dan orang-orang yang mengutip sewa-sewa dan cukai daripada orang-orang yang menggunakan sungai yang tersebut, walau dengan secara apa pun, selain daripada cukai dan sewa-sewa asal yang telah dikenakan bagi menggunakan sungai itu, dan untuk perlindungan dan kesenangan ahli-ahli perniagaan, oleh itu pihak yang berkuasa yang diakui oleh Undang Luak yang tersebut dan dengan kebenaran dan persetujuan Kerajaan tersebut akan menyerahkan orang-orang yang telah melakukan kesalahan melanggar Undang-undang Negeri Selat yang harus datang mencari perlindungan atau dijumpai Luak yang tersebut dan tidak akan memberi perlindungan kepada musuh-musuh Kerajaan British, atau musuh negeri-negeri dan Undang Luak yang bersekutu dengan Kerajaan British atau berdamai dengannya dan tidak akan membenarkan sesiapa menubuahkan angkatan-angkatan atau mengumpulkan orang atau senjata-senjata di dalam Luak Sungai Ujung untuk melawan Kerajaan British atau sahabat atau yang bersekutu dengan Kerajaan British, dan mereka hendaklah memberitahu dengan segera kepada Kerajaan British atas segala perkara kejadian mengenai politik dan perniagaan di dalam Luak yang tersebut dan perhentian, daerah atau kawasan di Simpang, dengan di tepi-tepi tebing sungai kiri kanan Sungai

Lingga dari simpang hingga membawa ke Permatang Pasir hendaklah ditempatkan di bawah kawalan dan perintah dan arahan Kerajaan British, kalau tidak perjanjian ini tidak sah, jika sekiranya perjanjian ini berjalan kuatkuasa dengan sepenuhnya.

Tertulis di Rumah Kerajaan, Singapura, pada 21hb. April, 1874, di hadapan Tuan Yang Terutama Sir Andrew Clarke, C. B., K.C.M.G., & C., Gabenor.

Mohor dan Tanda Tangan,

Dato' Kelana Abdul Rahman.

Mohor dan Tanda Tangan,

Dato' Muda Linggi.